

Garis Panduan

PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN




Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan



Kementerian Kesihatan
Malaysia

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




© Kementerian Kesihatan Malaysia 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau alat mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Edisi Pertama 2012

Diterbit, dicetak dan diedarkan oleh:
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel: 603-8892 4409 Faks: 603-8892 4526
Laman web: <http://www.moh.gov.my>

ISBN



Kandungan

1.0	LATAR BELAKANG	4
-----	----------------	---

2.0	OBJEKTIF	4
-----	----------	---

3.0	SKOP LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH	5
-----	--	---

4.0	PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN	8
-----	-------------------------------	---



GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1.0 LATAR BELAKANG

Situasi semasa di kebanyakan sekolah menunjukkan bahawa murid sekolah terdedah kepada pemakanan yang tidak sihat ketika berada di sekolah. Makanan dan minuman kurang berkhasiat dengan tinggi kandungan gula, lemak dan garam seperti minuman berperisa berkarbonat, minuman kordial, aiskrim, jeruk, makanan ringan, *nugget* goreng dan *burger* mudah didapati daripada peniaga yang menjaja di luar pagar sekolah. Makanan sedemikian adalah salah satu faktor penyumbang kepada peningkatan prevalen obesiti di kalangan kanak-kanak. Kajian menunjukkan obesiti di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia (umur 6 hingga 12 tahun) telah meningkat daripada 9.7% pada tahun 2001 kepada 13.7% pada tahun 2007.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Persekitaran Hidup Yang Sihat (JKPHS) Siri 1, Bil.1/2011 pada 4 April 2011 yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah bersetuju supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyelaraskan pelaksanaan undang-undang kecil berkaitan garis panduan penguatkuasaan bagi larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini bertujuan untuk mengurangkan kemudahan dan kemudahan makanan serta minuman yang dikategorikan tidak sihat. Selain daripada itu, pelaksanaan garis panduan ini akan memastikan makanan dan minuman yang dibenarkan dijual adalah bersesuaian.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama garis panduan ini adalah untuk menyelaraskan undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah.

3.0 SKOP LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH

Secara dasarnya, penjualan makanan dan minuman **di dalam lingkungan 40 meter** dari **pagar sekeliling** sekolah adalah **dilarang** bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara. Walau bagaimanapun, penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada **berlesen** di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah, dibenarkan menjual makanan dan minuman tetapi perlu mematuhi senarai makanan dan minuman yang **dilarang** dijual.

Pindaan / Tambahan Kepada Undang-Undang Kecil PBT Berkaitan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah.

Pada masa ini, Undang-Undang Kecil PBT yang sedia ada berkaitan penguatkuasaan bagi larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah adalah tidak seragam. Ketidakteraturan ini adalah dari aspek lingkungan jarak tapak penjualan makanan dan minuman dari pagar sekolah yang tidak dinyatakan dengan jelas dan juga jenis makanan dan minuman yang dibenarkan dijual.

Pindaan/tambahan kepada Undang-Undang Kecil PBT berkaitan penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah adalah seperti berikut:

- (1) Penjualan makanan dan minuman **di dalam lingkungan 40 meter** dari **pagar sekeliling sekolah** adalah **dilarang** bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara;
- (2) Penjaja statik atau peniaga gerai sedia ada **berlesen** di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah, adalah dibenarkan menjual tetapi perlu mematuhi senarai makanan dan minuman yang **dilarang** dijual seperti berikut :

Senarai Makanan dan Minuman Yang Dilarang Dijual Oleh Penjaja Berlesen di Luar Pagar Sekolah

Makanan

- (i) Gula-gula dan coklat*.
- (ii) Jenis-jenis makanan yang telah *dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk bawang.
- (iii) Makanan ringan atau makanan rapu yang mengandungi bahan perisa dan pewarna tiruan.
- (iv) Makanan yang mengandungi alkohol*.
- (v) Makanan yang melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti:
 - a. semua jenis makanan yang berupa permainan seperti cincin, gincu dan lain-lain;
 - b. semua jenis makanan yang disertakan dengan permainan seperti cincin, gambar, belon dan lain-lain; dan
 - c. makanan yang melampaui tarikh luput.

Nota: Konfeksi ais dan ais krim tidak digalakkan dijual. Makanan diproses seperti *burger*, *sosej* dan *nugget* juga tidak digalakkan dijual.

Minuman

- (i) Minuman yang mengandungi alkohol.
- (ii) Minuman yang melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sama seperti pada perkara (v) senarai makanan.

Nota: Minuman ringan bergas dan minuman yang menggunakan bahan pewarna serta minuman berperisa, kecuali susu berperisa, adalah tidak digalakkan dijual.

* Definisi tentang senarai makanan dan minuman boleh diperoleh di bawah Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

[Senarai ini adalah selaras dengan senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual di kantin sekolah seperti di dalam Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011]

- (3) Penjaja dan pembantu yang dibenarkan menjual makanan dan minuman di luar pagar sekolah hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:
- (i) Hadir Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan oleh agensi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (ii) Mempamerkan sijil Hadir Kursus Pengendalian Makanan semasa berniaga;
 - (iii) Mendapat pemeriksaan doktor bagi suntikan tifoid dan sentiasa membawa bukti penerimaan suntikan semasa berniaga;
 - (iv) Membungkus makanan yang perlu dibungkus dengan pembungkus yang selamat dan tidak mencemarkan makanan (penggunaan surat khabar atau kertas bercetak adalah dilarang);
 - (v) Memasukkan sisa-sisa makanan dan sampah ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah;
 - (vi) Menutup makanan dan minuman agar tidak terdedah kepada lalat, serangga lain dan habuk yang boleh mencemarkan makanan;
 - (vii) Cuci tangan dengan sabun sebelum mengendalikan makanan dan minuman serta selepas menggunakan tandas;
 - (viii) Gunakan penyenduk, pengepit plastik atau sarung tangan plastik untuk mengambil makanan;
 - (ix) Gunakan apron dan tutup kepala atau topi ketika mengendalikan makanan;
 - (x) Jaga kebersihan kereta tolak/gerai dan kawasan sekelilingnya;
 - (xi) Jangan merokok semasa mengendalikan makanan; dan
 - (xii) Semua perkakas dan peralatan mestilah sentiasa bersih, tidak sumbing atau rosak.

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Pelaksanaan Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan ini hendaklah selaras dengan akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Setiap PBT adalah bertanggungjawab memastikan setiap permohonan lesen penjaja mematuhi peraturan yang digariskan. Setiap PBT bertanggungjawab melakukan penguatkuasaan terhadap sebarang penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah berdasarkan kepada peraturan yang telah dinyatakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi oleh semua PBT.